

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN : 60

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif serta mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kesesakan jalan raya terutamanya pada musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan arahan larangan pemanduan kenderaan pengangkutan barangan (melibatkan kenderaan berat melebihi 7.5 tan serta selain daripada bahan makanan dan mudah lupus) untuk tempoh dua (2) hari sebelum dan dua (2) selepas musim perayaan. Tujuan utama langkah ini diadakan adalah untuk meningkatkan keselamatan jalan raya tetapi didapati turut berupaya menyumbang kepada pengurangan kesesakan jalan raya semasa musim perayaan.

Selaintu, SPAD telah membuka kepada semua pengendali yang berkecualan untuk memohon Lesen Perubahan Sementara (LPS) pada setiap kali musim perayaan bagi menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam untuk pulang ke kampung sempena musim perayaan. Ini adalah bertujuan untuk menambah jumlah bas bagi menampung permintaan pengguna sekali gus ia dapat mengurangkan kesesakan jalan raya. Walau bagaimanapun bagi menjamin keselamatan pengguna hanya bas-bas yang mematuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan seperti dilengkapi sistem GPS dan tidak melebihi had usia 10 tahun akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Sebagai makluman sebanyak 226 buah bas tambahan telah diluluskan untuk kegunaan sempena sambutan Hari Raya 2018 yang lepas.

Bagi perkhidmatan tren pula, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KTMB untuk meningkatkan bilangan penumpang di sepanjang musim perayaan Aidilfitri 2018 adalah dengan meningkatkan kekerapan perjalanan dengan menyediakan 6 tren tambahan untuk perkhidmatan

ETS, menambah bilangan jualan tiket contohnya 19,800 tiket tambahan untuk perkhidmatan ETS di sepanjang minggu perayaan dan menjalinkan kerjasama dengan penyedia perkhidmatan pengangkutan e-panggilan, Grab, yang menawarkan promosi nilai tambah bagi penumpang yang menggunakan Grab di 16 stesen komuter terpilih.